

20 OCT 1996

DR MAHATHIR AKAN TEMUI CUEPACS

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menetapkan masa yang sesuai untuk menemui pemimpin-pemimpin Cuepeacs untuk berbincang mengenai cadangan kongres itu supaya kerajaan membayar bonus dua bulan kepada kakitangan kerajaan tahun ini.

"Kami sedang menimbang tarikh yang sesuai," kata beliau ketika ditanya mengenai rancangan beliau untuk menemui Cupeacs.

Mengenai cadangan Cuepacs itu, Dr Mahathir berkata beliau mahu menemui kongres berkenaan sebelum membuat sebarang ulasan mengenainya.

"Tunggulah, saya tidak boleh memberi ulasan sekarang...saya mahu berjumpa mereka dahulu," kata beliau selepas menyertai jogaton anjuran BAKTI, badan kebajikan isteri-isteri menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Semalam ketika ditanya mengenai kemungkinan 800,000 kakitangan kerajaan akan mendapat bonus pada tahun ini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan berbuat demikian jika ia mampu.

Setiausaha Agung Cuepacs N.Siva Subramaniam berkata semalam bahawa kongres itu telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan pada 10 Okt lepas untuk mendapatkan sekurang-kurangnya dua bulan bonus untuk semua kakitangan kerajaan dengan bayaran minimum sebanyak RM800.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Menteri Kewangan, dijangka membuat pengumuman mengenai bonus semasa beliau membentangkan anggaran Belanjawan 1997 Jumaat ini. -- BERNAMA

AZZ MZ MAI